



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**


PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam

**PEMBANTU TERNAKAN KANAN (C.2 EB.3)
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. PEMBANTU TERNAKAN KANAN
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
C.2 EB.3 (\$1,450 - \$2,270 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC/BTEC* Sijil Tertinggi Kebangsaan (*HNC*) atau sebanding dalam bidang Sains Penternakan / Sains Kesihatan Haiwan / Sains Haiwan atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.
2. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.
3. Berkemahiran dalam penggunaan teknologi maklumat (*IT*) adalah kelebihan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Mengendalikan pelaksanaan dan pemantauan projek-projek kemajuan pertanian;
2. Melaksanakan kegiatan-kegiatan dan kajian-kajian bagi memajukan pertumbuhan industri ternakan;
3. Memberikan khidmat nasihat kepada penternak-penternak dalam aspek-aspek pemeliharaan, pengurusan, kesihatan, pemakanan dan pemasaran industri ternakan kepada penternak;
4. Mengawas dan menyediakan perancangan organisasi kerja bagi staf ternakan;
5. Menjalankan pemantauan secara rutin di ladang ternakan dan kawasan penternakan dan pemeliharaan bagi membuat surveilans kesihatan haiwan;
6. Memantau perkembangan dan membuat laporan data surveilans kesihatan ternakan;
7. Membantu menyediakan laporan bulanan, suku dan tahunan berkaitan industri ternakan;
8. Melaksanakan kegiatan dan kajian yang berkaitan bagi memajukan pertumbuhan industri ternakan;
9. Menyediakan dan membuat pembentangan (*presentation*) semasa taklimat / seminar / bengkel yang dikendalikan oleh Bahagian Ternakan dan Perkhidmatan Veterinar;
10. Mengadakan jerayawara dan aktiviti-aktiviti kesedaran awam (*public awareness*) mengenai kesihatan haiwan dan lain-lain yang berkenaan dengan Bahagian Industri Ternakan dan Perkhidmatan Veterinar; dan
11. Menjalankan tugas-tugas tambahan yang di arahkan oleh Ketua Pejabat / Bahagian / Unit dari masa ke semasa.